

28/10/1999

Makna gila tidak wajar disempitkan

UNSUR humor, lucu mahupun komedi memainkan peranan penting dalam dunia sastera, apatah lagi dalam teks lama seperti Hikayat Malim Deman, Sejarah Melayu, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Panji Semirang dan banyak lagi teks yang sukar difahami sekali gus menghilangkan mood pembaca untuk mentelaahnya.

Unsur humor biasanya menyelamatkan keadaan serta mampu menarik pembaca untuk meneruskan bacaan. Kebijaksanaan Tun Sri Lanang dalam menggarap Sejarah Melayu amat dikagumi. Penulisan yang halus, kadangkala pada tempat tertentu penuh kelucuan menyelitkan seribu makna sama ada yang menegur, mengajar mahupun yang memprotes keadaan dan peristiwa ketika keteguhan empayar Melaka tanpa dikesan golongan yang dikritik itu.

Berbalik kepada dunia teater tanah air yang semakin meriah dan canggih, dengan pementasan yang gah dan warna warni. Unsur humor tidak mendapat perhatian yang khusus daripada penggiat teater masa kini berbanding misalnya ketika dalam lingkungan 1970-an dan 1980-an meletakkan Malinda Manja atau Bidin Subari sebagai penggiat, pengarah dan penulis skrip yang penuh dengan kelucuan. Tentu peminat teater masih ingat dengan Anak Kerbau Mati Emak, dan Ayam Jantan Ayam Betina mahupun Datuk Ahmad Dadida.

Bermula bulan Ogos hingga November 1999, terdapat sembilan buah teater dipentaskan di ibu negara termasuk yang bakal dipertontonkan iaitu teater Dejavu Seorang Perempuan, Lorong, Warisan dan Perjuangan (berdasarkan akhbar tempatan), Durian Gergasi, Nenek Tompok Hitam dan yang terbaru Konvensyen Gila, karya dan arahan Nasir Ali.

Keberkesanan unsur humor berjaya menarik perhatian golongan yang tidak meminati teater dan golongan yang pertama kali tengok teater. Ini menyebabkan khalayak berasa puas dan terhibur. Persoalannya adakah unsur humor tidak dinodai oleh si lucah atau gambaran seks? Atau pelambangan seks adalah identiti bentuk dan wajah di humor? Siapa yang nak ingin menjawab persoalan ini?

Persoalan unsur humor dalam teater boleh dibincangkan melalui sebuah pementasan teater bertajuk Konvensyen Gila (KG), yang baru selesai pementasannya bermula dari 15 Oktober hingga 17 Oktober 1999 di Auditorium Tengku Abdul Rahman, MATIC.

Jelas dan nyata lakonan pelakon KG yang terdiri daripada Mohd Zan Ayob (Pengerusi), Zainorrahim Yusof (Setiausaha), Ghazali Abu Noh (Pembahas 1), Julieyati Abd Jalal (Pembahas 3), Mohd Nasir Ali (Pembahas 3), Norhaiza Mohd Salleh (Pembahas 4), Mahathir Hussin (Pembahas 5), Zainal Isnin (Pembahas 6), di bantu oleh Marzuki Abdullah, Norjehan Abd Kadir, Mohd Zamri Mohd Bakri dan Yuzailan Yusoff.

KG mengungkap persoalan yang ada di depan mata kita. Kadangkala genre elektronik turut memaparkan persoalan yang agak sama tetapi berlainan penceritaannya namun matlamatnya sama iaitu mengenai orang gila. Kalau kita sorot teater Hang Tak Tuah karya dan arahan Khalib Salleh, juga menggunakan orang gila sebagai objek penceritaan.

KG memaparkan persidangan orang gila yang diadakan di ibu kota. Jelas latarnya melalui backdrop iaitu Menara KL, Muzium, Parlimen serta bangunan Sultan Abdul Samad.

Persidangan itu dinamakan konvensyen gila, dianjurkan Kesatuan Kemasyarakatan Orang Gila yang diwakili oleh enam ahli panel. Konvensyen itu sering tergendala kerana kerenah ahli panel. Akhirnya orang gila itu merumuskan perbincangan dengan agak terperinci. Itulah secara ringkas

sinopsis teater KG, yang mudah dan senang dipentaskan.

Syabas dan tahniah kepada Nasir Ali dan kumpulan yang berjaya mementaskan sebuah lagi teater kepada peminat teater tanah air. Lakonan Mohd Zan Ayob yang natural, banyak memainkan emosi dalaman dengan aksi dan dialog yang lucu. Begitu juga, Zainorrahim Yusof yang berwatak lembut, berjaya menonjolkan bakat semula jadi yang ada padanya dengan baik. Lakonan Julieyati Abd Jalal, Mahathir Hussin, Norhaiza Mohd Salleh dan Zainal Isnin berkesan dan dilakukan dengan penuh penghayatan.

Perwatakan mereka menarik, ada bawaan sendiri serta memiliki gaya serta pembawaan berbeza. Yang barangkali kurang memuaskan ialah apabila orang gila diberi pakaian yang compang camping, comot?

Teater KG akan lebih menarik jika diletakkan satu atau dua orang watak yang berimej bersih tetapi gila. Lagipun bukan tidak ada orang yang berimej bersih tetapi gila. Tentulah ini akan lebih dahsyat.

Kalau seseorang meninjau wad orang gila waktu kini, boleh dikatakan hampir tidak ada imej, watak orang gila seperti yang digambarkan pengarah KG. Mungkin ada orang gila yang rambut panjang dan sebagainya. Pengarah sepatutnya membuat sedikit kajian bukannya mencedok idea lalu secara bogel tanpa disesuaikan dengan keadaan semasa.

Jarang terjadi humor tanpa lucuh. Memang unsur itu boleh mencuit hati penonton, tetapi kesilapan pembawaannya boleh menyebabkan perkara lain lagi.

Persoalannya kenapakah unsur itu perlu wujud dalam unsur humor? Dalam teater KG sebagai contoh, unsur lucuh digambarkan menerusi watak Setiausaha yang didukung oleh Zainorrahim Yusof yang serba tak kena dengan kainnya. Kadangkala pakaiannya terselak hingga ke pangkal paha, dan ini pada mata kita yang mempunyai nilai dan norma timur adalah satu perbuatan dan perlakuan yang tidak senonohnya.

Tidakkah misalnya lebih baik kalau kain yang terselak itu dibuat yang sebaliknya. Dilabuhkan sedemikian rupa. Ya barangkali lucu juga dan tidak lucuh.

Lagipun yang penting bukan berpakaian lucuh, tetapi berlakon bagi menimbulkan humor. Ini dua perkara yang hakikatnya memang berbeza.

Gelak ketawa dari sebuah teater humor penting, dan memang sedemikianlah yang terjadi dalam KG, tetapi persoalan yang sama pentingnya dengan ketawa itu ialah apakah maknanya? Sekadar mahu ketawa saja atau ada makna tersendiri, sama ada mengenai individu lain mahupun mengenai individu sendiri.

Barangkali satu kejayaan yang amat luar biasa kalau pengarah dapat menimbulkan keadaan sehingga setiap orang yang ketawa itu sedar bahawa yang mereka ketawakan itu adalah diri mereka sendiri dan bukan orang lain. Boleh dilakukan, persoalannya mahu ataupun tidak. Tahu mahu pun tidak?

Gila secara harafiah bermakna tidak sihat atau tidak waras fikirannya (otaknya, ingatannya). Terbit daripada gila itu ialah 'bergila-gila' yang bermakna berkelakuan (berperangai dan lain-lain) seperti orang gila (tidak menggunakan fikiran, mengikut perasaan saja). Manakala 'tergila-gila' bermakna terlalu amat ingin, (suka, asyik, cinta, berahi) akan sesuatu.

Selepas mengadakan konvensyen itu adalah suatu perkara yang menghairankan, yang agak aneh pun, apabila muncul satu rumusan empat perkara yang begitu terperinci.

Memang sebuah persembahan yang baik dapat dilakukan untuk tajuk teater seperti di atas, lebih-lebih lagi jika kita memahami makna gila itu. Kerana sebagaimana yang tercatat dalam kamus, ada juga makna gila yang positif.

Dan itu tidak ada di atas pentas Nasir Ali. Sedangkan saya kira itulah yang dicari oleh khalayak, bukan sekadar apa yang ada dipentas itu, yang sudah ada dalam kebanyakan imaginasi khalayak.

Begitu juga teater itu akan lebih menarik untuk khalayak ketawa dengan berdekah-dekah sekiranya penulis tidak mempersempitkan makna gila itu. Perbincangan yang terjadi, walaupun oleh orang gila tidak menampilkan perbincangan itu oleh orang gila. Begitu juga bahasa yang digunakan mereka.

Demikianlah pandangan saya sebagai seorang penonton. Mungkin orang lain mempunyai lain pula pandangannya. Begitu juga mungkin pengarahnya mempunyai pendapat yang lain. Perbezaan bagaimana pun penting supaya dengan demikian, sesuatu yang bermanfaat dapat dikongsi bersama. Dengan demikian bermula proses belajar, yang tidak putus-putusnya.

(END)